



# BAB V



## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 RUMUSAN**

Institusi *Hisbah* merupakan salah satu daripada institusi yang terpenting di dalam sejarah tamadun Islam, sistem pentadbiran dan perundangan Islam. Merujuk kepada fungsinya sahaja telah menggambarkan kepada kita tentang kecemerlangan sistem pengurusan Islam. Institusi *Hisbah* merupakan sebuah institusi yang menjadi kebanggaan masyarakat Islam kerana kecemerlangannya dalam memenuhi keperluan keadilan masyarakat. Sungguhpun terdapat pelbagai kenyataan yang menyatakan bahawa institusi ini dicerok dari peradaban asing oleh fuqaha' pada zaman Abbasiyah, namun sejarah telah membuktikan bahawa institusi ini adalah lahir daripada warisan tamadun Islam.

Institusi *Hisbah* telah mengalami perubahan yang besar yang mana peranannya sebelum ini hanya bermula dengan tugas-tugas pengawasan di pasar, tetapi telah berkembang dengan pesat sehingga meliputi tugas-tugas mengawasi kegiatan moral masyarakat, amalan-amalan ibadah , keselamatan dan kebajikan bagi setiap lapisan masyarakat. Ia merupakan sebuah institusi yang melibatkan hak-hak manusia dan juga hak-hak Allah dan juga perhubungan antara kedua-dua hak tersebut. Sumber-sumber dan prinsip-prinsipnya adalah berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Institusi *Hisbah* pernah dilaksanakan oleh beberapa buah Kerajaan Islam pada zaman silam dengan bersandarkan kepada prinsip *al-amr bil makrūf wal nahi `anil munkar*. Berdasarkan kepada prinsip inilah, Institusi *Hisbah* menyerlahkan matlamatnya yang sebenar terutama dari sudut kepentingan pengawasan dalam hidup manusia tanpa mengira pangkat dan juga kedudukan. Tugas utama Institusi ini adalah mempastikan makruf dilakukan apabila ternyata ditinggalkan dan memastikan kemungkaran ditinggalkan apabila ternyata perkara mungkar tersebut dilakukan. Merujuk kepada pandangan Ibn Taymiyyah bahawa matlamat yang ingin dicapai dari pelaksanaan institusi Islam samaada institusi ketenteraan, kehakiman, kewangan dan juga *Hisbah* ialah mengajak kepada yang makruf dan menegah dari yang mungkar. Oleh itu prinsip amar makruf nahi mungkar dari sudut pelaksanaan dalam masyarakat adalah menjadi tanggungjawab institusi *Hisbah*.

Falsafah Institusi *Hisbah* lebih merujuk kepada soal pengawasan sama ada pengawasan diri, masyarakat atau negara keseluruhannya. Pengawasan adalah satu tanggung jawab sosial yang telah diamanahkan oleh Allah Taala kepada manusia di alam ini dan perlu dipikul oleh semua pihak samaada individu, masyarakat umum, pemerintah, dan juga pentadbir sendiri. Seperti juga apa yang disebutkan oleh Ibn al-Qayyim, tugas *Hisbah* menegakkan *al-amr bil-ma'rūf wal-nahi `anil munkar*. Oleh itu sesiapa sahaja baik dari kalangan orang yang berkuasa ataupun tidak tetapi hendaklah mempunyai kemampuan melakukannya. Hakikat pengawasan ini amat jelas kerana ia dapat memberikan pengajaran dan panduan apabila dihayati hikmah yang tersirat disebaliknya. Apabila dirujuk kepada sejarah pentadbiran dan pengurusan manusia, Institusi *Hisbah* banyak menyerlahkan tanggung jawab ini.

Merujuk kepada fungsi dan peranan yang dimainkan oleh institusi ini, memperlihatkan kepada kita bahawa pelaksanaannya merupakan satu tanggung jawab yang berat. Ini memandangkan institusi *Hisbah* mempunyai bidang kuasa yang amat luas kerana perkara-perkara yang disuruh dan perkara-perkara kemungkaran yang ditegah adalah merupakan sesuatu yang tidak terbatas yang merangkumi soal-soal akidah, ibadat, sosial, ekonomi, pentadbiran dan sebagainya. Oleh kerana itu, ramai daripada golongan ulama' telah sepakat menghukumkan pelaksanaan institusi ini sebagai fardu kifayah dalam konteks masyarakat dan menghukumkannya sebagai fardhu ain dalam konteks pemerintahan.

Berikutnya peranan dan tugas yang berat itulah, Institusi *Hisbah* dalam sejarah pentadbiran Islam menyediakan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berketrampilan untuk menguruskan amanah dan tanggung jawab ini. Berdasarkan apa yang telah dikaji, keseluruhan pemegang-pemegang amanah tersebut dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu bagi menjamin kecemerlangan pelaksanaan institusi ini. Tanggung jawab ini disusuli dengan kewibawaan, legitimasi, justifikasi yang menjadikan pegawai-pegawai tersebut memiliki kuasa-kuasa eksekutif pegawai pengguna dan pengawasan. Tanggung jawab ini amat diperlukan bagi menjamin keberkesanan pengrealisasian tugas-tugas yang diamanahkan.

Dari sudut lain, soal keperibadian dan penampilan diri pegawai-pegawai amat berpengaruh kerana ia dapat mempengaruhi kelincinan pelaksanaan pentadbiran institusi *Hisbah*. Dalam struktur pentadbiran, institusi *Hisbah* berkedudukan sebagai sebuah institusi yang menguatkuaskan pelaksanaan perintah Allah Taala

memandangkan ia memastikan sesuatu kebenaran itu dilaksanakan dan sebaliknya memastikan kejahanan ditinggalkan. Bagi memastikan pelaksanaan tersebut dalam apa juga bentuk penguatkuasaan, ia memerlukan kerjasama dan sokongan dari semua pihak agar aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di mana-mana jabatan atau bahagian dijalankan dengan sebaik mungkin.

Dalam situasi hari ini, fungsi dan peranan institusi *Hisbah* sebahagiannya dilaksanakan secara tidak langsung oleh beberapa bahagian dan jabatan-jabatan kerajaan yang sedang memerintah di Malaysia. Di antara kementerian dan jabatan-jabatan tersebut seperti Majlis Agama Islam Negeri, Bahagian Direktorat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP dan sebagainya lagi. Keseluruhan badan ini berfungsi menjalankan pengawasan terhadap akta-akta yang dikuatkuasakan dan berkaitan tanggungjawab jabatan atau kementerian masing-masing. Pelaksanaan fungsi penguatkuasaan ini di jabatan-jabatan dan kementerian tersebut walaupun dengan secara tidak langsung menunjukkan satu petanda yang baik dan perlu diberi penghargaan yang sewajarnya.

Dengan kajian ini, penulis dapat melihat adanya hubungan yang wujud di antara Institusi *Hisbah* dengan peranan yang dimainkan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP. Ini memandangkan Institusi *Hisbah* merupakan salah sebuah badan pengawasan yang pernah diamalkan dalam sejarah tamadun Islam di era kegemilangannya. Institusi *Hisbah* berperanan dalam menjalankan tanggungjawabnya menegakkan keadilan dan memerangi segala bentuk penyelewengan khususnya dalam urusan perdagangan di samping menjamin kesejahteraan rakyat. Begitu juga

dengan Bahagian Penguatkuasa, peranannya yang jelas dilihat berdasarkan kajian yang dibuat memperlihatkan institusi ini juga merupakan sebuah badan pengawasan yang diamanahkan untuk mengawasi segala bentuk penyelewengan yang berlaku di dalam urusan perniagaan. Di sinilah wujudnya hubungan tersebut yang mana masing-masing bertanggung jawab mengawasi penyelewengan yang berlaku di dalam urusan perdagangan.

Merujuk kepada maklumat-maklumat berkaitan, pertamanya memperlihatkan Bahagian Penguatkuasa merupakan satu bahagian yang diberi tanggung jawab penuh menjalankan pengawasan terutamanya di dalam urusan perniagaan. Perananannya melaksanakan sebahagian peranan yang dimainkan oleh Institusi *Hisbah* dalam sejarah tamadun Islam sebelum ini yang mana keseluruhan tugasnya tertumpu kepada hal ehwal perniagaan. Bukti ini dilihat kepada 11 akta yang dikuatkuasakan oleh Bahagian ini. Apabila dirujuk kepada sejarah pentadbiran Islam zaman silam, institusi *Hisbah* memulakan peranannya dengan mengawasi urusan-urusan di pasar. Ini telah cukup untuk membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh Bahagian ini bersumberkan kepada apa yang pernah dipraktikkan oleh Institusi pengawasan ini dahulu.

Penubuhan Bahagian Penguatkuasa ini sebagai satu badan pengawasan pada hari ini merupakan satu pendekatan yang sesuai. Ini memandangkan ia bukan sahaja berperanan mengawasi urusan-urusan perniagaan yang tertakluk kepada 11 akta tersebut sahaja, malah lebih daripada itu ia secara tidak langsung berperanan melaksanakan apa yang telah disarankan oleh syariat iaitu *al-amr bil-makrūf wa nahi*

*anil-munkar* khususnya dalam urusan perniagaan. Prinsip ini sebenarnya mengajak manusia melakukan kebaikan di dalam semua urusan kehidupan dan mengajak manusia meninggalkan segala perkara mungkar apabila ternyata perkara mungkar tersebut dilakukan. Sesungguhnya pokok pangkal kelahiran nilai-nilai moral dan etika yang utama dalam diri seperti jujur, amanah,, adil, sabar, ketekunan, dan taqwa bermula dengan keimanan dan diperkuatkan oleh *al-amr bil-ma'ruf wa nahi anil-munkar* ini. Hasil daripada penerapan nilai-nilai ini akan menghasilkan masyarakat yang proaktif, kreatif, inovatif dan berkualiti dari segi akhlaknya.

Hasil daripada kajian yang dibuat, penulis juga mendapati Bahagian Pengawal Kelebihgunaan KPDNHEP mempunyai bidangkuasa yang agak luas. Bidangkuasa Bahagian ini nampaknya lebih tertumpu kepada tanggungjawab menegakkan keadilan dan membanteras apa juu bentuk penyelewengan dan pemalsuan yang berlaku di dalam urusan perdagangan. Dalam konteks negara hari ini, apabila dirujuk kepada aktiviti mereka sehari-hari, tanggung jawab ini menjadi semakin rumit dan berat kerana amalan penyelewengan dan pemalsuan ini berlaku dalam bentuk yang lebih agresif. Selaras dengan pencapaian sains dan teknologi hari ini, aktiviti perniagaan nampaknya lebih mementingkan keuntungan yang maksimum dengan mengenepikan sama sekali nilai-nilai etika yang sebenarnya yang dituntut oleh semua agama di Malaysia ini.

Usaha-usaha dan gerakan tangkas yang dijalankan oleh Bahagian Pengawal Kelebihgunaan seharusnya dicontohi oleh semua pihak. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi, kejayaan demi kejayaan telah dicapai oleh

mereka dalam usaha membasmi penyelewengan dan pemalsuan dalam aktiviti perdagangan. Ini termasuklah kejayaan mereka membanteras aktiviti cetak rompak yang semakin menjadi-jadi hari ini, membanteras penyuludupan beras dari negara luar, memantau aktiviti jualan langsung yang menzalimi pengguna, membanteras skim cepat kaya yang merugikan pengguna, membasmi aktiviti pengeluaran barang tiruan, memantau aktiviti jualan murah yang tidak sah, mengawal kenaikan harga barang samaada pada musim perayaan atau pada hari-hari biasa, mensita alat timbang dan sukat di pasar-pasar terutamanya yang tidak mengikut peraturan dan sebagainya lagi. Kejayaan-kejayaan ini dicapai hasil daripada kesungguhan dan kesabaran pegawai-pegawaiannya yang menjalankan sesuatu operasi.

Sungguhpun demikian, kejayaan ini bukanlan hasil usaha Bahagian Penguatkuasa semata-mata, malah ianya hasil usaha sama daripada pelbagai pihak seperti Direktorat Penguatkuasa DBKL, pihak PDRM, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga daripada pelbagai pihak lagi. Berdasarkan hasil temuramah yang dibuat, jelas menunjukkan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP sentiasa bekerjasama dengan Institusi-institusi penguatkuasaan tersebut dalam pelaksanaan tugas sehari-hari walaupun pada dasarnya masing-masing tidak mempunyai apa-apa hubungan dari segi struktur organisasi .

Sungguhpun terdapat kerjasama antara institusi-institusi penguatkuasaan ini, namun didapati tidak terdapat sebarang pertindihan tugas di antara Bahagian ini dengan pihak Polis, DBKL mahupun institusi - institusi penguatkuasaan yang lain. Ini kerana setiap institusi atau agensi penguatkuasaan tersebut akan melaksanakan tugas

dan tanggung jawab masing-masing. Dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang, Bahagian Penguatkuasa sentiasa mendapat kerjasama terutamanya daripada pihak Polis dan DBKL berbanding pihak-pihak lain<sup>1</sup>. Hasil daripada kerjasama ini dapat melahirkan suasana perdagangan yang sejahtera dan harmoni di samping melahirkan peniaga yang mengamalkan etika perdagangan yang baik. Ini bertepatan dengan apa yang telah disarankan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Dato' Seri Muhyiddin Bin Mohd.Yassin baru-baru ini yang ingin mewujudkan kod etika perniagaan yang sihat di kalangan peniaga.

Penubuhan Bahagian Penguatkuasa ini secara tidak langsung dapat membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat umum. Merujuk kepada matlamat Bahagian ini, memperlihatkan kepada penulis Bahawa Bahagian ini telah memperuntukkan sejumlah jawatan sebagai salah satu usaha mereka untuk sampai kepada matlamat tersebut. Situasi ini sedikit sebanyak dapat membantu usaha-usaha kerajaan mengurangkan jumlah penganggur di dalam negara. Keadaan ini sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini agar hidup dalam kemakmuran. Ia sekaligus memperlihatkan keperihatinan kerajaan di dalam usaha menangani kadar kemiskinan di dalam negara. Kesan daripada situasi ini dapat membantu meningkatkan kepesatan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi setanding dengan negara-negara maju yang lain.

<sup>1</sup> Temubual dengan Tuan Ahmad Ruslan Bin Mohamad Ariffin , Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Penguatkuasa (Bahagian Perancangan Dan Sumber), KPDNHEP, pada hari Khamis 18 Oktober 2001, jam 11-12 tengahari.

Namun begitu, kecemerlangan pengurusan Bahagian ini tidaklah mencapai tahap seratus peratus. Apa yang menjadi persoalan kepada penulis ialah mengapa ramai di kalangan peniaga yang masih tidak mahu mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Berdasarkan pengamatan yang dibuat di pasar-pasar malam di kawasan sekitar Kuala Lumpur, penulis melihat ada peniaga yang tidak segan silu atau rasa takut menjual barang cetak rompak yang diharamkan. Hampir setiap minggu peniaga tersebut melakukan kegiatan yang sama. Selain itu, ada juga peniaga yang masih menggunakan alat timbangan dan sukat (satu muka) yang boleh menyebabkan para pengguna ditipu dari segi sukatan dan timbangannya. Walaupun hanya segelintir, namun keadaan ini mencerminkan ketidakperibatinan Bahagian Penguatkuasa dalam usaha menangani isu-isu penyelewengan seperti ini, atau mungkin juga operasi pengawasan yang dijadualkan tidak cukup untuk membasmi kegiatan-kegiatan seumpama ini.

Apa yang penulis sedikit kesal mengenai operasi pengawasan yang dijalankan oleh Bahagian ini ialah pegawai-pegawai penguatkuasa yang bertugas tidak begitu tegas dalam melaksanakan tindakan. Kenyataan ini berdasarkan tahap pencapaian pengoperasian Bahagian ini sebelum ini. Buktinya dapat dilihat kepada percambahan kes aktiviti penjualan vcd cetak rompak yang tertera di dalam akhbar-akhbar harian utama, televisyen dan daripada maklumat-maklumat lain. Begitu juga dengan kegiatan-kegiatan lain seperti mengadakan jualan murah tanpa lesen, penipuan dari segi harga semasa jualan murah diadakan, masalah meletakkan tanda harga di kalangan peniaga dan sebagainya lagi.

Keadaan ini memperlihatkan terdapat sedikit kekurangan dari sudut penekanan bahawa ia bertitik tolak dari niat dan matlamat merealiasikan prinsip *al-amr bil makrūf wal-nahy anil-munkar* yang menjadi asas utama di sebalik kegiatan pengawasan . Apabila matlamat dan prinsip ini terhakis daripada diri, memungkinkan perkara-perkara munkar di atas berlaku dan berterusan. Situasi ini agak bertentangan dengan misi yang ingin dicapai oleh Bahagian ini iaitu mewujudkan amalan perdagangan yang beretika seterusnya dapat melindungi kebajikan pengguna.

Dari satu sudut lain, merujuk kepada syarat-syarat perlantikan ke jawatan pegawai penguatkuasa Syarat-syarat tersebut tidak begitu kuat untuk pegawai-pegawai penguatkuasa menjalankan amanah tersebut. Keadaan ini akan mengakibatkan peniaga tidak begitu merasa gerun terhadap pegawai-pegawai ini dan seterusnya mengambil keputusan untuk terus menjalankan operasi haram tersebut.

Kesan daripada kelonggaran syarat-syarat tersebut, pegawai-pegawai tersebut tidak begitu berpengaruh dan berketrampilan di dalam perkara-perkara syariah. Ini bermaksud kurang arif mengenai perkara-perkara makruf yang ditegah oleh syariat daripada melakukannya. Keadaan ini akan mengakibatkan diri lebih mudah terjebak kepada perkara-perkara munkar seperti rasuah dan sebagainya. Hal ini diakui oleh bekas Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa (KPDNHEP) Encik Rahman Ghazali yang hampir 25 tahun berkecimpung di Bahagian ini<sup>2</sup>. Di antara pegawai-pegawai yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan (Cetak rompak) tidak seratus

<sup>2</sup>Lihat Berita Minggu, 13 Januari 2002, hlm. 20.

peratus bersih daripada mengamalkan gejala-gejala negatif seperti penyalahgunaan kuasa, amalan rasuah, wang perlindungan dan sebagainya lagi<sup>3</sup>. Apabila keadaan ini berlaku, matlamat untuk membanteras apa jua bentuk penyelewengan tidak akan berjaya.

Daripada sudut hukuman pula, penulis melihat peruntukan hukuman yang dijalankan ke atas peniaga yang melakukan kesalahan adalah kurang berkesan walaupun terdapat beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh Bahagian ini dalam operasi-operasi yang dijalankan. Buktinya ialah masih ramai di kalangan peniaga yang masih menjalankan perniagaan haram dengan meneruskan aktiviti perniagaan vcd, cd dan kaset cetak rompak. Dengan merujuk kepada peruntukan hukuman bagi setiap akta yang dikuatkuasakan, memperlihatkan bahawa hukuman yang dikenakan agak ringan. Bagi keseluruhan akta, kebanyakan hukuman yang dikenakan sekadar denda atau kompaun yang rendah jumlahnya. Perkara ini tidak akan menjadi masalah kepada peniaga-peniaga yang telah lama terlibat dengan kegiatan haram ini.

Walau bagaimanapun, pada pandangan penulis secara keseluruhannya institusi-institusi penguatkuasaan yang wujud di Malaysia seperti yang disebutkan sebelum ini, telahpun melaksanakan tanggung jawab masing-masing iaitu mengawasi masyarakat daripada pelbagai aspek mengikut bidangkuasa masing-masing, walaupun tidak sepenuhnya. Begitu juga dengan Bahagian Penguatkuasa yang merupakan salah sebuah institusi pengawasan pada zaman ini telahpun

<sup>3</sup> Temuramah dengan Encik Shahrom Bin Mansor, Penolong Pegawai Penguatkuasa, KPDNHEP, pada 29 April 2003, Selasa, jam 9.00 pagi.

melaksanakan tanggung jawab mereka dengan sebaik mungkin. Aktiviti pengawasan ini tidak akan berakhir dan akan berterusan selagi mana wujudnya aktiviti perniagaan di dunia ini. Malah pada masa akan datang aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan ini akan bertambah rumit dan berat akibat daripada perubahan masa dan tuntutan keadaan.

Selaras dengan kemajuan sains dan teknologi, kerja-kerja penipuan dan penyelewengan datang dalam pelbagai bentuk dan strategi. Semakin canggih sesebuah zaman dan maka bertambah hebatlah cara penyelewengan yang dilakukan. Bagi menghadapi kemelut ini, pihak pentadbir hendaklah lebih bersedia samada dari segi pengurusan pentadbiran, material mahupun psikologi.. Langkah-langkah yang sewajarnya harus diambil supaya Bahagian Penguatkuasa tidak lagi masih di tahap yang lama, sebaliknya perlu ada pembaharuan daripada pelbagai aspek selaras dengan kemajuan dan pembangunan negara. Ini bertujuan agar jenayah perdagangan ini tidak lagi berlarutan sehingga boleh menjaskankan kredibiliti dan imej Bahagian Penguatkuasa sebagai sebuah badan pengawasan.

## 5.2 CADANGAN

1. Bahagian penguatkuasa KPDNHEP perlu memperbanyakkan lagi operasi-operasi penguatkuasaan sama ada pada musim-musim perayaan atau pun pada hari-hari biasa. Sebaiknya operasi-operasi pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan pada setiap masa dan tidak terhad mengikut musim. Tindakan ini perlu dirancang

dengan lebih teliti supaya perancangan penguatkuasaan ini tidak dapat dihindu oleh dalang-dalang yang terlibat. Bagi mengelakkan kebocoran maklumat mengenai sesuatu rancangan atau serbuan yang akan dibuat, Bahagian Penguatkuasa bolehlah menggunakan pendekatan *cross border* seperti yang dirancangkan oleh Encik Rahman Ghazali.

2. Untuk menjamin keberkesanannya sebagai badan pengawasan yang bertanggung jawab terhadap urusan-urusan perdagangan, seharusnya Bahagian Penguatkuasa lebih peka dengan suasana persekitaran. Tindakan yang lebih tegas dan cepat bertindak diperlukan sama ada terhadap aduan-aduan yang dibuat mahupun terhadap operasi-operasi yang dirancang.

3. Untuk tujuan di atas memerlukan Bahagian Penguatkuasa menambah bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa yang sedia ada kepada satu jumlah yang cukup untuk menjalankan operasi-operasi tersebut. Ini bertujuan untuk mengelakkan masalah dari segi pembahagian gerak kerja seperti yang disebutkan sebelum ini. Masalah ini merupakan satu faktor yang membawa kepada berlakunya kecelaruan di dalam usaha-usaha pengawasan yang memungkinkan wujudnya gejala-gejala negatif di kalangan pegawai-pegawai tersebut seperti penyalahgunaan kuasa, rasuah, curi tulang dan sebagainya.

4. Oleh itu, bagi menjamin dan mengekalkan imej dan identiti Bahagian Penguatkuasa ini sebagai sebuah badan pengawasan yang bertanggung jawab maka ia hendaklah diterajui oleh pegawai-pegawai yang bertokoh dari segi syaksiah diri

misalnya di samping ciri-ciri lain seperti kekuatan fizikal, psikologi, pendidikan dan sebagainya dan dibantu oleh tenaga-tenaga pakar dari sektor awam dan dunia korporat serta petugas lain yang berkelayakan. Sebaiknya juga, perlu ada pertambahan dari segi alat-alat kelengkapan semasa menjalankan operasi. Ia juga perlu disusuli dengan kerjasama yang erat di antara badan-badan penguatkuasaan lain seperti PDRM, Unit Direktorat DBKL, pihak Mahkamah dan sebagainya. Ini akan menjadikan aktiviti penguatkuasaan itu lebih berkesan.

Dengan melihat kepada senario hari ini, penyelewengan dan pemalsuan di dalam urusan perniagaan masih ada contohnya penjualan vcd cetak rompak. Gejala ini memperlihatkan bahawa masih ramai di kalangan peniaga-peniaga ini masih tidak takut dan tidak serik dengan peruntukan-peruntukan hukuman yang telah ditetapkan. Tambahan pula peruntukan denda dan kompaun yang dikenakan kepada pesalah agak rendah jika dibandingkan dengan keuntungan yang mereka perolehi. Bagi peniaga-peniaga yang berkemampuan dari segi kewangan, perkara ini tidak menjadi masalah kepada mereka. Untuk mengatasi masalah ini, penulis menyarankan agar kadar denda dan kompaun tersebut dinaikkan kadarnya kepada jumlah yang lebih sesuai . Begitu juga dengan kadar penalti yang dikenakan untuk tempoh tahanan penjara sebaiknya dipanjangkan tempohnya. Walau bagaimanapun, kawalan harga kepada vcd sah kerana harga vcd yang terlalu tinggi menggalakkan kepada aktiviti vcd cetak rompak.

5. Penulis juga menyarankan agar Pegawai-pegawai penguatkuasa yang dilantik terdiri daripada kalangan yang mengetahui aspek-aspek syariat. Sekurang-kurangnya memiliki pengetahuan tentang perkara-perkara yang makruf dan perkara-perkara

yang mungkar di sisi Allah. Selain itu, golongan ini juga perlu diberi penghayatan dari sudut agama Islam melalui aktiviti-aktiviti ceramah, seminar, sesi usrah dan sebagainya. Saranan ini bertujuan agar para Pegawai Penguatkuasa dapat menjalankan kerja dengan lebih ikhlas, sabar dan lebih terlindung daripada terjebak ke arah kegiatan rasuah yang boleh berlaku pada masa operasi penguatkuasaan dijalankan.

6. Bagi memastikan peranan Bahagian Penguatkuasa lebih terserlah dalam usaha mengawasi aktiviti perdagangan, ia perlu membina ketramplannya yang paling asasi sebagai badan pengawasan iaitu menekankan ciri kerohanian dan keagamaan di kalangan pegawai serta memberi penekanan bahawa ia bertitik tolak daripada niat dan matlamat yang merealisasikan prinsip *al-amr bil-makrūf wal-nahyi 'anil-munkar* bersesuaian sebagai salah sebuah badan pengawasan dan penguatkuasaan di Malaysia.

7. Dari sudut pentadbiran, satu inisiatif lain yang boleh dilaksanakan ialah penambahan satu unit baru khusus untuk satu-satu masalah yang sukar untuk dibendung. Contohnya satu unit khas bagi cetak rompak. Unit ini akan bertindak melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan secara terus tanpa perlu membabitkan pegawai-pegawai penguatkuasa bahagian lain. Mungkin dengan cara ini, aktiviti perniagaan haram tersebut dapat dihapuskan sepenuhnya.

8. Bahagian Penguatkuasa perlu memperbanyakkan lagi kempen dan program-program pendidikan kepada pengguna berkaitan dengan penguatkuasaan. Contohnya

melalui iklan-iklan di media elektronik, melalui media cetak dan sebagainya. Selain itu boleh juga memperbanyakkan lagi kuiz-kuiz untuk disertai oleh pelbagai golongan masyarakat di samping menawarkan pelbagai jenis hadiah yang menarik untuk menggalakkan golongan ini agar menyertainya. Masalah yang berlaku hari ialah ramai di kalangan pengguna yang tidak mengetahui bentuk-bentuk penyelewengan yang berlaku di dalam urusan perniagaan memandangkan ia berlaku secara tidak langsung semasa urus niaga dijalankan. Melalui program dan kempen-kempen kesedaran ini, pengguna akan tampil untuk membuat aduan mengenai perkara tersebut. Sekurang-kurangnya dapat sama-sama menyumbang ke arah melahirkan golongan peniaga yang beretika.

9. Perkara yang paling penting ialah Bahagian Penguatkuasa perlu mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud dalam setiap aspek, seterusnya memperbaiki setiap kelemahan yang wujud di dalam organisasi terutamanya ketika aktiviti penguatkuasaan dijalankan.

Dengan ini penulis mengharapkan agar cadangan-cadangan yang tertulis di atas dapat dilaksanakan sebaik mungkin bagi menjamin kecemerlangan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP melahirkan golongan peniaga yang mengamalkan etika perniagaan yang baik. Namun apa yang penting di sini adalah kerjasama daripada semua pihak sama ada badan-badan penguatkuasaan yang wujud di Malaysia ini, pihak Kerajaan dan juga daripada masyarakat sendiri. Harapan penulis ialah agar Bahagian Penguatkuasa dapat merealisasikan matlamat mereka sebagai badan penguatkuasa yang menjadikan agama Islam yakni al-Quran dan as-Sunnah sebagai

tunggak utama. Sesungguhnya dengan pengrealisasian ini dapat mencerminkan Bahagian ini berkeupayaan menangani cabaran-cabaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan yang berlaku.